

## Refleksi al-quran

Oleh ABDULLAH BUKHARI  
ABDUL RAHIM  
AL-HAFIZ

Pensyarah di Jabatan  
Tilawah al-Quran,  
Pusat Bahasa, UIAM  
dan Timbalan  
Presiden Murshid.



**S**AYA sokong penuh kempem utamakan produk Muslim (BMF). Cuma, kita kena ingatkan para pembekal Muslim beberapa perkara agar nikmat promosi percuma yang Allah berikan ini terus kekal dan bukan datang bermusim sebelum jatuh tersembam menyungkur tanah."

Kata-kata seorang guru penulis ini pada mulanya merenjat minda, namun selepas mendengar penjelasannya secara terperinci penulis setuju sepenuhnya dengan pandangan beliau.

Hawa panas isu sosial di negara ini tidak pernah reda. Terbaru, kempem BMF memasuki 'kalender' isu sosial tersebut. Pun begitu, di sebalik setiap isu panas yang melanda, pasti ada khabar baik yang ditakdirkan Allah kepada orang beriman.

Benar sekali sabda Rasulullah erti: "Menakjubkan sekali urusan orang beriman. Semua urusannya membawa kepada kebaikan dan ia tidak akan berlaku kecuali kepada orang beriman sahaja. Sekiranya dia beroleh kesenangan dia bersyukur, dan syukur itu baik untuk dirinya. Sekiranya dia beroleh kesusahan dia akan sabar, dan sabar itu juga baik untuk dirinya." - Sahih



**PENIAGA** perlu ambil kesempatan nikmat promosi percuma yang Allah timbulkan bagi membuktikan kemampuan dalam perniagaan. - GAMBAR HIASAN



# Peringatan kepada pembekal Muslim

Muslim.

Pada hemat penulis, hikmah di sebalik isu sosial ini sejak beberapa minggu lalu adalah teguran Allah kepada umat Islam agar 'lebih agresif' membantu saudara seagama tanpa perlu meruntuhkan perniagaan bukan Islam.

Benar! Ada segelintir bukan Muslim di negara ini yang 'terlebih lajak' memacu langkah sehingga menyenggung perasaan umat Islam, namun tidak adil jika kita 'bakulkan' semua bukan Islam sebagai golongan bersalah.

Bukan semua biadab, mengejek tentera kita makan gaji buta, bukan semua biadab memusing Jalur Gemilang terbalik dan bukan semua

biadab mengejek tulisan Jawi.

Jangan kerana segelintir bukan Islam bermasam muka dengan Islam, maka kita terus menghukum mereka berbau masam. Allah sendiri kategorikan bukan Islam kepada dua kumpulan iaitu golongan yang memusuhi dan tidak memusuhi Islam. (Rujuk surah al-Mumtahanah: 8-9)

## SELARI SYARIAT

Berbalik kepada isu utama iaitu kempem beli dan sokong produk Muslim. Jika ditanya adakah ia selari dengan Islam? Ya! Ia tidak boleh disangkal lagi. Semua Muslim walaupun berlainan sempadan negara, berbeza warna kulit atau nama keluarga diumpamakan seperti sebuah bangunan yang saling kukuh mengukuh antara sesama mereka.

Sabda Rasulullah erti: "Perumpamaan orang beriman pada sikap kasih sayang dan lemah lembut sesama mereka seperti sebuah tubuh. Apabila sebahagian anggotanya kesakitan, seluruh badan akan terdorong untuk berasa sakit dengan berjaga malam serta demam." - Sahih Bukhari Muslim

Allah juga menyifatkan orang beriman bersaudara sesama mereka dengan ikatan akidah sebagaimana firman-Nya bermaksud: "Sebenarnya orang yang beriman itu bersaudara, maka damaiakanlah antara dua saudara kamu (yang bertelingkah) itu; dan bertakwalah kepada Allah supaya kamu beroleh rahmat."

## PEDOMAN

- BMF merupakan nikmat promosi percuma yang Allah timbulkan kepada peniaga Muslim.
- Jangan mengambil kesempatan menyalahgunakan nikmat tersebut dengan perkara mungkar.
- Mengutamakan produk Muslim adalah selari dengan tuntutan syariat.
- Peniaga perlu jujur dan amanah dalam pekerjaan agar memperoleh berkat.

(al-Hujurat: 10)

Walaupun begitu, para pembekal produk Muslim juga perlu diberi peringatan dan pesanan agar terarah kepada laluan benar dan bukannya menjadi musibah atau jerat menjerut leher sendiri.

Bagaimana? Berikut beberapa cadangan penulis:

## 1 Perbetulkan niat

Lakukan kerana Allah dan bukannya untuk mengumpul untung semata-mata.

● Jika Allah menjadi punca kerja, maka produk mereka akan digarap sebaik mungkin dalam reda-Nya. Sebaliknya jika kaya dan untung menjadi matlamat, maka kerakusan nafsu akan menguasai diri sehingga mendorong mereka untuk melanggar halal haram dan norma kualiti.

## 2 Kerja sebagai ibadah

Sedar sepenuh hati betapa usaha mereka menyediakan produk keperluan umat Islam adalah kerja mulia yang terdiri dalam kategori fardu kifayah.

● Allah mengarahkan kita makan daripada sumber halal lagi berzat. Firman Allah erti: "Wahai sekalian manusia! Makanlah daripada apa yang ada di bumi halal lagi baik, dan janganlah kamu ikut jejak langkah syaitan; kerana sesungguhnya syaitan itu ialah musuh yang terang lagi nyata bagi kamu." (al-Baqarah: 168)

● Logiknya, jika Allah sarankan kita makan produk halal dan berzat, mana mungkin kedua kualiti itu diperoleh tanpa penglibatan pembekal yang amanah?

## 3 Berusaha hasilkan produk berkualiti

Untuk menghasilkan produk berkualiti pastinya usaha keras bersama sikap teliti akan menjadi budaya kerja pembekal Muslim. Budaya ini akan meningkatkan lagi mutu produk mereka bagi jangka masa panjang.

## 4 Tunaikan hak pekerja

Banyak kita dengar syarikat yang baik, runtuhan kerana kegagalan majikan menunaikan hak pekerja. Tanpa bantuan pekerja, mana mungkin produk mereka lahir di pasaran.

● Ingatlah pesan Nabi SAW ini erti: "Berikan upah kepada orang yang diupah (pekerja) sebelum kering peluhnya." Sunan Ibn Majah

## 5 Tunaikan hak Allah

Mengingatkan pekerja agar menunaikan hak Allah seperti solat, zakat dan sedekah.

● Muslim perlu percaya kepada aspek berkat dalam berniaga dan kehidupan. Hasil keluaran produk Muslim akan dilimpahi berkat jika penghasilnya patuh kepada Allah dalam semua syariat-Nya.

● Firman Allah erti: "Dan sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan buka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa mereka telah usahakan." (al-A'raf: 96).

Subhanallah! Hebat sekali perancangan Allah. Letusan panas hawa politik dan sosial Malaysia menjadi punca kesatuan umat Islam Malaysia. Ini adalah nikmat Allah yang perlu dijaga oleh semua pihak terutama sekali pembekal produk Muslim.

Mudah-mudahan situasi ini akan berkekalan menambah kekuatan umat Islam yang sepatutnya menjadi rahmat dan ikutan seluruh manusia.